

BN mahu menilai calon yang akan bertanding - Mahathir

UM 19 JUN 1990

TERTEH 18 Jun - Barisan Nasional (BN) akan membuat penilaian terhadap calon-calon yang akan bertanding mewakili parti sama ada memberi peluang kepada bekas wakil rakyat atau orang baru dalam pilihanraya umum akan datang.

Perdana Menteri berkata, penilaian itu penting bagi menentukan seseorang wakil yang dipilih dalam menjalankan tugas dan khidmat sebagaimana yang dikehendaki oleh parti.

Bercakap kepada para pemberita selepas menyampaikan 62 traktor kepada petani di sini lewat petang ini, Dato' Sri Dr. Mahathir bagaimanapun berkata, setakat ini penilaian belum lagi dibuat.

Katanya, penilaian itu dibuat secara menyeluruh terhadap kemampuan wakil rakyat sekarang dan sekiranya didapati kurang baik, akan di ganti dengan tenaga baru kerana ramai yang berminat dan menunggu.

Beliau yang juga Pengerusi BN menyatakan, mana-mana wakil rakyat yang sudah beberapa kali bertanding

juga harus mengundur diri untuk memberi peluang kepada orang baru.

Tegasnya, sudah sampai masanya wakil rakyat yang telah lama berkhidmat ditukar sekiranya perlu tetapi ini bergantung kepada penilaian yang akan dibuat menjelang pilihanraya umum nanti.

Ini disebabkan, tambahnya, kerajaan BN yang dipilih oleh rakyat akan memastikan bahawa wakil-wakil rakyatnya menjalankan tugas dengan sempurna dan baik.

Perdana Menteri juga melahirkan rasa tidak senang terhadap adanya golongan yang membuat berbagai tuduhan terhadap dirinya dengan tujuan hendak membunuh masa depan politikanya.

"Kononnya ada yang mendakwa sayalah yang menyebabkan jatuhnya helikopter baru-baru ini kerana saya hendak bunuh jeneral dengan tujuan hendak melantik saudara mara saya", katanya.

Sebelum itu dalam ucapan di perhimpunan yang dihadiri sama oleh

Menteri Besar, Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Yusof Noor itu, beliau turut menyentuh tentang dakwaan yang menyatakan rancangannya hendak membunuh jeneral.

Katanya, adalah tidak munasabah beliau membuat pakatan dengan mana-mana juruterbang yang membawa jeneral, kerana kalau benar, tentunya juruterbang terlibat tidak sanggup mati bersama dalam helikopter terse-

but.

Perdana Menteri juga menyelar parti pembangkang yang menyatakan tidak ada kebebasan akhbar di negara ini sehingga mereka sanggup membakar akhbar dan membunuh para wartawan.

"Kalau benar-benar tidak ada kebebasan akhbar, sebagai Menteri Dalam Negeri sudah lama *Watan* dan *Mingguan Kota* yang hari-hari memaki hamun kita, ditutup," tambahnya lagi.